

# Pembunuhan 2 anggota keselamatan bukti bukan sandiwara

UM 12 JAN 2002 PM

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata jika Pas mak-

sudkan hanya rompakan senjata di kern di Grik sahaja sebagai sandiwara bagaimana pula kes pembunuhan dua anggota keselamatan dengan menggunakan senjata yang dirompak itu.

Kata Perdana Menteri, Pas cuba menutup kebenaran kejadian itu dalam usaha mereka untuk terus memburuk-burukkan kerajaan.

Menurut beliau, dia tidak memahami putar-belit Pas yang masih berkeras mempertahankan peristiwa berdarah di Sauk, Perak dua tahun lalu itu sebagai sandiwara.

“Saya nak tahu siapa yang lakukan rompakan senjata itu dan kalau dia orang yang sama, macam mana nak kata ia sandiwara sedangkan senjata itu digunakan untuk bunuh anggota keselamatan terbabit.

“Bagi Pas, menidakkan kebenaran adalah amalan biasa. Pas tidak pernah mengakui kebenaran dan sanggup berbohong termasuk (menyeleweng) tafsiran al-Quran,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Naib Presiden Pas, Datuk Mustapha Ali semalam yang mendakwa parti itu tidak menganggap pembunuhan dua anggota tentera oleh kumpulan Al-Ma’unah dalam peristiwa Sank sebagai sandiwara.

Sebaliknya ia ditujukan kepada peristiwa rompakan senjata dari kern di Grik pada Julai 2000 dan justeru, Pas tidak perlu meminta maaf atas pendirian sandiwara itu.

Pada 4 Januari lalu, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa berkata, Pas tetap menganggap kejadian rompakan senjata dan peristiwa Sauk adalah sandiwara.

Kenyataan itu dipertahankan oleh Timba-

lan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menegaskan ia merupakan pendirian parti itu, malah menganggap perbicaraan kes itu lebih menjujur kepada perbicaraan politik.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir mengesahkan bahawa Kumpulan Militan Malaysia (KMM) mempunyai pertalian dengan 50 rakyat negara ini yang dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian peng-ganas al-Qaeda, pimpinan Osama bin Laden.

“Ya, mereka dari satu kumpulan tetapi berbeza cell (bahagian). Satu cell tidak tahu cellnya tetapi yang atas ini, dia tahu cara mana nak beri arahan. Sistem cell ini macam yang digunakan oleh komunis,” katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan mendapat maklumat mengenai penglibatan 50 rakyat Malaysia dalam al-Qaeda selepas polis menyoal-siasat salah seorang anggota kumpulan perompak bank s e b e l u m ini.

Daripada punca itu, katanya, polis memperoleh bukti ada anggota lam dalam kumpulan itu terbabit membunuh seorang wakil rakyat serta merompak senjata dari balai polis Guar Cempedak, Kedah.

“Selepas itu, kita dapat kenal pasti siapa mereka dan kemudian ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Sekarang ini saya tidak tahu berapa orang ditahan, itu polis punya kerja,” katanya.

Dr. Mahathir dalam wawancara khas disiarkan oleh majalah Jepun, *Chuokoron*, yang diterbitkan semalam berkata, sebahagian daripada 50 rakyat Malaysia berke-nan telah diberkas.

Menurutnya, tindakan menahan seseorang di bawah ISA adalah sebagai langkah pencegahan bagi mengelak berlaku kejadian ganas.